

10 AUG 1996

Ani-Ulas

ANI AROPE ENGGAN TEMUI WARTAWAN

PULAU PINANG, 10 Ogos (Bernama) -- Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (Tenaga Nasional), Tan Sri Ani Arope enggan menemui pemberita untuk mengulas kenyataan Perdana Menteri mengenai perlantikan pengganti beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan di Langkawi bahawa Ani akan digantikan oleh Datuk Ahmad Tajuddin selepas beliau (Ani) tamat tempoh perkhidmatannya.

Kontrak Ani telah tamat bulan lepas tetapi perkhidmatannya disambung sebulan lagi.

Ani, yang juga Pengerusi Majlis Universiti Sains Malaysia (USM), berada di sini sejak semalam untuk menghadiri majlis konvokesyen ke-25 universiti berkenaan dan menginap di sebuah hotel di Georgetown. Beliau dijangka keluar daripada hotel itu esok.

Ani, ketika dihubungi melalui telefon di bilik hotelnya, berkata: "Sekarang saya berada di sini sebagai Pengerusi USM. Saya tidak ada komen. Terima kasih."

Usaha untuk menemuinya di bilik penginapannya juga gagal kerana beliau enggan ditemui.

Pagi tadi Ani juga enggan menjawab pertanyaan pemberita selepas majlis konvokesyen mengenai kenyataan Perdana Menteri bahawa Tenaga Nasional wajar membayar pampasan kepada pengguna yang mengalami kerugian berikutan gangguan bekalan elektrik Sabtu lepas.

Beliau meninggalkan majlis itu secara tergesa-gesa dan berkali-kali menegaskan kepada pemberita bahawa beliau tidak bertugas dan kehadirannya di sini adalah sebagai Pengerusi Majlis USM.

Sebelum memasuki keretanya, beliau berkata: "Anda patut mengajukan soalan itu kepada..." tanpa sempat menghabiskan kata-katanya.

-- BERNAMA

ZU NH SA AKD